

Headline **Protozoa penyebab cirit-birit**
Date **27 Jun 2010**
MediaTitle **Kosmo Ahad**
Section **Semasa**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **120,848 / 269,000**

Language **Malay**
Page No **48**
Article Size **594 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **7,117**
PRValue **21,351**



Protozoa penyebab cirit-birit

Tanpa gejala yang jelas, jangkitan parasit usus ini mampu mengganggu pertumbuhan mental dan fizikal kanak-kanak.

SHANIKA ABDULLATIF

CUKUP menakutkan apabila parasit halus menjadikan tubuh manusia sebagai perumah tanpa kita disedari.

Jika dahulu masyarakat sering didedahkan dengan bahaya cacing tularan tanah seperti cacing gelang, cacing cambuk, cacing kait dan cacing benang, kini jangkitan protozoa juga tidak harus dipandang ringan.

Malah, bagi mereka yang mempunyai sistem pertahanan badan yang lemah, kehadiran parasit daripada pelbagai jenis terutama protozoa menjadikan keadaan lebih serius.

Menurut Pakar Parasitologi dan Kesihatan Masyarakat Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Datin Dr. Norhayati Moktar, perkara ini bukan sesuatu yang baru dalam penyelidikan berkaitan parasit yang menjadi ancaman kepada kesihatan manusia.

"Bagi pesakit AIDS atau kanser yang sedang menjalani rawatan kimoterapi, kebarangkalian untuk dijangkiti parasit usus adalah agak tinggi," katanya.

Protozoa pembunuh

Jelas Norhayati, infeksi protozoa terhadap golongan yang mempunyai sistem imun badan lemah dikenali melalui simptom cirit-birit berpanjangan, hilang selera makan dan turun berat badan.

Jelasnya, protozoa usus daripada jenis koksidia seperti

Cryptosporidium parvum dan *Iso sporidium belli* serta kumpulan mikrosporida usus menjadi penyebab utama cirit-birit berpanjangan.

Norhayati juga menjelaskan, secara amnya, infeksi parasit usus sering ditemui dalam masyarakat namun penghidapnya tidak mempunyai gejala yang jelas.

"Oleh itu, kes-kes jangkitan ini jarang dikesan di pusat kesihatan dan hospital.

"Keadaan ini amat berbeza dengan jangkitan yang disebabkan oleh bakteria atau virus seperti H1N1, di mana pesakit menunjukkan gejala," jelasnya yang turut menyatakan infeksi ini melibatkan protozoa dan cacing tularan tanah (STH).

Hasil kajian mendapati hampir 80 peratus jangkitan usus ini menular secara senyap kerana tiada gejala khusus.

Ujarnya, meskipun Malaysia merupakan negara membangun, masalah jangkitan parasit usus masih membelenggu penduduk di beberapa kawasan.

Disebabkan sebaran parasit ini menular melalui makanan dan air yang tercemar dengan najis manusia, taburan penyakit lebih banyak ditemui di kalangan penduduk yang tinggal

di pedalaman yang tidak mempunyai sistem pembuangan najis yang baik serta bekalan air bersih seperti air sungai.

Ganggu tumbesaran

Tambah beliau, infeksi protozoa usus terutama *Giardia*

intestinalis boleh mengganggu tumbesaran kanak-kanak.

Jelasnya, terdapat beberapa mekanisme bagaimana parasit usus menyebabkan malnutrisi terhadap kanak-kanak malah golongan dewasa.

"Selain mengganggu sistem penghadaman dan penyerapan makanan, pesakit juga akan mengalami ciri-birit yang kronik, muntah dan sakit di bahagian abdomen.

"Kesan-kesan ini akan menyebabkan pertumbuhan dan perkembangan fizikal dan mental kanak-kanak terbantut," katanya.

Dalam pada itu, kawalan dan pencegahan infeksi parasit usus mungkin memerlukan pendekatan yang baru kerana kajian terbaru membuktikan sumber infeksi protozoa spesies *Giardia intestinalis* bukan saja daripada manusia ke manusia tetapi melalui anjing dan rodent.

"Walaupun jangkitan parasit usus ini mempunyai kadar kematian yang rendah dan jarang diperkatakan umum, kawalan dan pencegahan harus dipertingkatkan kerana ia mampu mengganggu kualiti hidup seseorang," ujarnya.

EKSTRA

● Tubuh manusia mampu menjadi perumah kepada lebih daripada 100 jenis parasit.

● Parasit boleh berpindah melalui

sentuhan, air dan udara.

● Parasit boleh menjangkiti keseluruhan tubuh manusia termasuk abdomen, darah, punggung, paru-paru, saluran pencernaan, saluran pernafasan, kaki, genital, otot serta hati.

● Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) menganggarkan sepertiga daripada penduduk dunia menderita akibat jangkitan parasit pada usus yang kronik.

Simptom



- Sembelit
- Cirit-birit
- Kembang perut
- Sakit sendi dan otot
- Anaemia
- Alahan



NORHAYATI MOKTAR

Headline **Protozoa penyebab cirit-birit**
Date **27 Jun 2010**
MediaTitle **Kosmo Ahad**
Section **Semasa**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **120,848 / 269,000**

Language **Malay**
Page No **48**
Article Size **594 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **7,117**
PRValue **21,351**



SELAIN usus besar, hati, limpa dan paru-paru sering menjadi perumah parasit jangkitan usus.



PROTOZOA *Giardia lamblia* cysts di bawah mikroskop.

Headline **Protozoa penyebab cirit-birit**
Date **27 Jun 2010**
MediaTitle **Kosmo Ahad**
Section **Semasa**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **120,848 / 269,000**

Language **Malay**
Page No **48**
Article Size **594 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **7,117**
PRValue **21,351**

